



" JASA IBU TIADA TANDINGAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : ﴿ وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ
شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita tingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-



Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya selamat dan berjaya di dunia serta di akhirat.

Khutbah pada kali ini mengingatkan kita semua bahawa "**JASA IBU TIADA TANDINGAN**".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Ibu adalah insan mulia. Kedudukannya tiada taranya. Sehingga Rasulullah mengingatkan bahawa ibu merupakan insan yang paling berhak menerima kebaikan berupa kasih sayang berbanding bapa. Sekiranya berlaku pertembungan keperluan antara ibu dan bapa dalam mendapat khidmat anaknya, maka ibulah yang lebih utama. Mulianya ibu bukan sahaja kerana dia yang mengandung, melahir, menyusukan tetapi kerana ketabahan membesar, mengasuh dan mendidik anak-anak sehingga menjadi dewasa.

Hadis daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

"Seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah s.a.w dan berkata: Wahai Rasulullah (s.a.w), siapakah insan yang paling berhak aku hormati dengan baik? Baginda bersabda: Ibumu. Lelaki itu bertanya lagi: Kemudian siapa? Baginda menjawab: Ibumu. Lelaki itu bertanya lagi: Kemudian siapa? Baginda menjawab: Ibumu. Lelaki bertanya lagi: Kemudian siapa? Baginda menjawab: Bapamu".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dua sebab mengapa Islam lebih mengutamakan ibu daripada bapa adalah kerana;



Pertama : Sesungguhnya perhatian seorang ibu dari sudut penjagaan anak-anak bermula dengan mengandung, melahirkan, menyusukan, mebesarkan, mendidik dan segala tanggungjawab yang berkaitan adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan bapa.

Kedua : Sesungguhnya perhatian seorang ibu dari sudut perasaan seperti rasa cinta, kasih sayang dan rasa bertimbang rasa terhadap anak-anaknya lebih mendalam daripada bapa.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Disebutkan bahawa seorang Ibu mampu membesarkan anak yang ramai, namun ibu yang seorang belum tentu dapat dijaga oleh anak yang ramai. Inilah realiti yang berlaku dalam kehidupan hari ini. Ramainya anak-anak yang menderhaka kepada ibubapa, jauh sekali untuk berbuat baik kepada kedua-duanya.

Hakikat yang tidak dapat disangkal adalah, berbuat baik dan berbakti kepada kedua ibu bapa bukanlah sesuatu yang ringan dan mudah. Ianya memerlukan pengorbanan yang besar. Kerana itu Islam menawarkan nilai pahala yang amat besar juga.

Berbuat baik kepada ibu dan bapa merupakan ibadah yang tinggi nilai dan kedudukannya. Sehingga pada waktu dan keadaan tertentunya berbuat baik kepada ibu bapa lebih utama dari keluar berjihad di medan perang.

Hadis daripada Muawiyyah al-Jahimah R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud;



"Sesungguhnya Jahimah telah datang kepada Rasulullah s.a.w dan bertanya: Wahai Rasulullah!, aku ingin keluar berperang dan sesungguhnya aku datang untuk meminta pandangan-mu. Nabi s.a.w bertanya: Apakah kamu mempunyai ibu?" Jawabnya: Ya!. Sabda Baginda: "Dampingilah (berbuat baik kepada) dia!", sesungguhnya syurga berada di bawah dua kakinya".

(Riwayat al-Nasai'e)

Beberapa cara untuk berbuat baik kepada ibu dan bapa adalah:

Pertama : Bergaul dengan baik


Berbuat baik dan bergaul dengan baik kepada ibu dan bapa adalah wajib walaupun mereka tidak beragama Islam. Sesungguhnya berbuat baik kepada ibu bapa adalah yang kedua tinggi kedudukannya selepas tuntutan menyebah dan mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 23:

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ
وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا ۝ إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكَ
الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقْلِيلٌ ﴾



لَهُمَا أُفِّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا



"Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)".

Kedua : Menggembirakan ibu dan bapa

Berbuat baik kepada ibu dan bapa merupakan sesuatu yang sukar. Oleh itu, cubalah bahagiakan ibu dan bapa. Janganlah membiarkan mereka dalam keadaan sedih.

Hadis daripada Abdullah bin Amr R.A bahawa seorang lelaki telah datang kepada Nabi s.a.w untuk berhijrah dan meninggalkan ibu-bapanya dalam keadaan menangis lalu Rasulullah s.a.w bersabda:



ارْجِعْ إِلَيْهِمَا فَأَضْرِحْكُهُمَا كَمَا أَبْكَيْتُهُمَا.

"Pulanglah kepada mereka berdua, dan gembirakanlah mereka semula sebagaimana kamu telah menjadikan mereka menangis". (Riwayat al-Nasa'ie)

Antara kaedah menggembirakan ibu dan bapa ialah memudahkan kehidupan mereka dari segi bantuan kewangan, sokongan moral dan memudahkan segala keperluan.

Ketiga : Berkata dengan lemah lembut

Tutur kata seseorang dengan ibu dan bapanya adalah yang terbaik dan paling lemah lembut berbanding tutur kata atau bicaranya sesama anak, rakan, isteri dan yang lain. Berdasarkan adab Islam, perkataan yang boleh menyinggung perasaan ibu tidak boleh diungkapkan, apa lagi mencemuh, mencaci atau melaknat mereka.

Keempat : Tunduk merendah diri

Seorang anak yang telah berjaya dalam hidupnya dengan mencapai kedudukan, pangkat atau sebagainya janganlah dia melupakan kasih dan bakti ibu dan bapa. Tanpa mereka mana mungkin kita akan mencapai segalanya. Tanpa mereka kita mungkin tidak akan



dilahirkan. Tanpa mereka kita mungkin tidak akan membesar sihat. Oleh itu, lakukanlah segala kebaikan terhadap mereka. Ianya tidak akan merendahkan darjat dan kedudukan yang sedia ada.

Kelima : Berdoa kepada ibu dan bapa

Mendoakan kesejahteraan kepada ibu dan bapa merupakan tuntutan dalam Islam. Selain itu, ianya merupakan ganjaran yang berterusan dan pahalanya berpanjangan selama mana si anak berterusan mendoakan kesejahteraan kepada mereka.

Keenam : Berbuat baik selepas kematian mereka

Berbuat baik kepada ibu dan bapa selepas kematian mereka boleh dilaksanakan dengan berdoa dan memohon keampunan, bersedekah di atas nama keduanya, menyambung silaturahim dan berbuat baik kepada rakan-rakan serta kenalan mereka.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Selain dari itu Islam turut mengecam mereka yang tidak berbuat baik dan menderhaka kepada ibu dan bapa.

Daripada Anas R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

الإِشْرَاكُ بِاللّٰهِ وَعُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ وَقَتْلُ النَّفْسِ
وَشَهَادَةُ الزُّورِ.



"(Dosa besar ialah) mensyirikkan (menyekutukan) Allah SWT, menderhakai ibu bapa, membunuh dan penyaksian palsu".

(Riwayat al-Bukhari)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Penghayatan dan kesimpulan daripada khutbah hari ini ialah:

Pertama : Ibu adalah insan mulia dan merupakan insan yang paling berhak menerima kebaikan berupa kasih sayang. Namun begitu, perintah berbuat baik dalam Islam adalah terhadap kedua ibubapa.

Kedua : Berbuat baik kepada ibu dan bapa merupakan suatu ibadah yang tinggi nilai dan kedudukannya. Berbuat baik kepada mereka boleh dilaksanakan dengan memudahkan urusan kehidupan mereka dari segi kewangan atau sebaginya dan mendoakan kesejahteraan mereka sewaktu hidup dan mati mereka.

Ketiga : Menderhaka kepada ibu dan bapa adalah termasuk salah satu dari dosa-dosa besar yang akan menyebabkan kemurkaan Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ



وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهُنَّا عَلَىٰ وَهُنِّ
وَفِصَلُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلَوِالدَّيْكَ إِلَيْ

الْمَصِيرُ

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibubapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah juga tempat kembali (untuk menerima balasan)".
(Luqman : 14)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ،
إِتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ
اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَاءِهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا صَلَوَأَ عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ
وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّ لَهُ مَلِكُنَا الْمُعَظَّمِ
سُلْطَانِ سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ



عبد العزيز شاه الحاج. اللهم أدم العون
والهداية وال توفيق، والصحة والسلامة مِنْكَ،
لولي عهد سلاعور، تغدو أمير شاه ابن
السلطان شرف الدين ادريس شاه الحاج في
آمن وصلاح وعافية بمنك وكرمك يا
ذالجلال والإكرام. اللهم أطل عمرهما
مصلحين للموظفين والرعيية والبلاد، وبلغ
مقاصدهما لطريق الهدى والرشاد.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang



Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian juga Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادٌ
اللَّهُ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَآشْكُرُوهُ عَلَى
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.